

Beri kerjasama kepada pembanci

OPERASI bancian rakyat Malaysia 2010 terbahagi kepada tiga fasa dengan pegawai-pegawai banci akan menjalankan tugas masing-masing di setiap kawasan yang telah ditetapkan mengikut jadual.

Sehubungan itu setiap penduduk negara ini diminta memberikan kerjasama kerana data yang dikumpul sepanjang tempoh banci ini amat penting bagi kerajaan merancang dan menyusun program pembangunan.

Ketua Perangkawan Malaysia yang juga Pesuruh Jaya Banci, Datuk Wan Ramlah Wan Abd. Raof berkata, orang ramai yang enggan memberi kerjasama atau memberikan maklumat palsu boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut Akta Banci 1960, Seksyen 17.

“Di mana sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda RM100 atau penjara satu bulan atau kedua-duanya sekali.

“Manakala di bawah akta yang sama, Seksyen 16 pula memberi jaminan bahawa semua semua maklumat dan data yang dikumpulkan adalah rahsia dan sulit,” katanya.

Untuk pengetahuan bersama, banci merupakan satu proses menghitung semua penduduk Malaysia termasuk warga asing yang tinggal di sini sekurang-kurangnya enam bulan, sama ada secara sah atau haram.

Segala maklumat yang diperolehi daripada bancian ini juga memudahkan kerajaan untuk menyediakan pelbagai kemudahan masa depan rakyat seperti sekolah, hospital, kediaman serta peluang pekerjaan.

Apa juga yang dirancang dan dilakukan adalah selaras dengan pertumbuhan penduduk Malaysia pada masa akan datang.

Banci berskala yang dilakukan setiap 10 tahun dijalankan mengikut Peruntukan Seksyen 3, Akta Banci Penduduk 1960 yang menyatakan bahawa bancian boleh dijalankan di seluruh Malaysia mengenai penduduk dan maklumat yang difikirkan wajar bagi menentukan keadaan sosial awam atau ekonomi penduduk di negara ini.

Tahun ini hari banci telah bermula 6 Julai lalu dan berakhir pada 22 Ogos ini.



KERJASAMA daripada orang ramai penting untuk menjayakan proses banci di seluruh negara.